



KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

**PUSPAKOM SEDIAKAN GARIS PANDUAN
PEMERIKSAAN PELEKAT PEMANTUL CAHAYA**

Shah Alam, 29 Disember 2016 – Sejar dengan pengumuman Kementerian Pengangkutan Malaysia yang mewajibkan pemasangan pelekat pemantul cahaya (reflektor) yang mempunyai standard SIRIM MS 828:2011 mulai 1 Januari 2017 bagi semua kenderaan perdagangan berat BDM 3,500kg ke atas, PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) telah menyediakan garis panduan piawaian pemeriksaan reflektor yang dijalankan di PUSPAKOM, sebagai rujukan untuk pemilik kenderaan berkenaan.

Kenderaan perdagangan berat BDM 3,500kg ke atas diwajibkan memasang reflektor yang perlu dilekatkan pada *side marking* kiri dan kanan, serta di belakang kenderaan. Manakala untuk van dan bas pula, reflektor tersebut hanya perlu dipasang di bahagian belakang kenderaan sahaja. Pemasangan reflektor ini harus mengikut pelan asal kenderaan yang merujuk kepada kedudukan reflektor pada badan kenderaan.

Selain itu, saiz reflektor yang digunakan perlu mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan mempunyai tanda logo SIRIM MS 828:2011 yang sah. Pemilik kenderaan boleh melayari laman sesawang PUSPAKOM <http://www.puspakom.com.my/ms/media-a-semasa/pengumuman.html> untuk maklumat mengenai spesifikasi pemasangan reflektor yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Pemilik kenderaan dinasihatkan agar berwaspada terhadap reflektor yang tidak diiktiraf serta tidak mematuhi piawaian, termasuk pelekat tiruan yang menggunakan logo JPJ. Seperti yang diumumkan oleh JPJ, buat masa ini, hanya reflektor yang dikeluarkan oleh 3M Malaysia dan Orafol Reflective Solutions mendapat pensijilan MS 828:2011 daripada SIRIM.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Encik Mohammed Shukor Ismail, “Untuk kemudahan para pelanggan, kedua-dua pengeluar reflektor tersebut akan membuka kaunter penjualan di 21 cawangan PUSPAKOM mulai 1 Januari 2017. Pemilik kenderaan boleh membeli reflektor tersebut di cawangan-cawangan tersebut.”

Berikut adalah lokasi kaunter penjualan reflektor tersebut :

| Wilayah | Cawangan PUSPAKOM |
|---------|---|
| Tengah | Wangsa Maju, Shah Alam |
| Utara | Taiping, Teluk Intan, Gopeng, Mak Mandin, Teluk Kumbar, Alor Setar, Sungai Petani |
| Timur | Kuantan, Kota Bharu, Kuala Terengganu |
| Selatan | Seremban, Alor Gajah, Johor Bahru, Muar, Kluang, Pasir Gudang |
| Sabah | Kota Kinabalu |
| Sarawak | Kuching, Bintulu |

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, para pelanggan boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM di 1-800-88-6927 atau emel : customerservice@puspakom.com.my.

###

Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM Sdn. Bhd.
03-2052 7465

Gambar 1: Pemeriksaan reflektor dijalankan oleh pemeriksa kenderaan PUSPAKOM

